

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 11 JUN 2015

SOALAN :

YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- (a) tentang status warisan perkampungan Portugis di negeri Melaka, adakah ia telah diwartakan sebagai salah satu warisan negara. Jika ya, bilakah ia diwartakan; dan

- (b) memandangkan latar belakang dan cara hidup kaum Portugis di kampung itu bergantung kepada lautan dan hasil tangkapan laut, nyatakan tindakan-tindakan diambil oleh Kementerian untuk mempertahankan perkampungan Portugis ini sentiasa menjadi sebuah kampung nelayan kaum Portugis.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah menjalankan kajian terhadap perkampungan Portugis di Melaka yang masih kekal dengan identiti serta adat resam yang diwarisi sejak turun temurun. Walau bagaimanapun, hasil kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan Warisan Negara mendapati bahawa perkampungan ini tidak dapat diwartakan kerana tidak menepati kriteria sebagai warisan sepetimana peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Seni bina, landskap dan fabrik perkampungan tersebut telah berubah dan tidak dapat dikaitkan dengan identiti masyarakat Portugis Melaka.

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan untuk mempertahankan Perkampungan Portugis sebagai sebuah perkampungan nelayan adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri Melaka.

Sekian, terima kasih.